

# KEBEBASAN BERFIKIR DALAM ISLAM

## Sikap Islam Terhadap Kebebasan Berfikir

(dalam karangannya yang berharga ini, Tuan Haji Muhammad Natsir, menghuraikan dengan sejelas-jelasnya tentang sikap Islam terhadap kebebasan berfikir – pengarang Qalam).

Salah satu dari tiang-tiang ajaran junjungan kita Nabi Muhammad (SAW) yang penting, ialah: Menghargai akal manusia dan melindunginya daripada tindasan-tindasan yang harus dilakukan orang atas nikmat Tuhan yang tiada ternilai itu. Nabi Muhammad (SAW) meletakkan “akal” pada tempat yang terhormat dan menjadikan akal itu sebagai salah satu alat untuk mengetahui Tuhan. Bertebaran dalam al-Qur’an pertanyaan yang memikat perhatian, menyuruh menggunakan fikiran dan menggalakkan manusia supaya menggunakan akalnyanya dengan sebaik-baiknya:

“Kenapa mereka tiada berfikir?”

“Kenapa mereka tidak mengetahui?”

“Kenapa mereka tiada menggunakan akal?”, dan demikianlah seterusnya.

Disuruh manusia memerhatikan tumbuh-tumbuhan yang hidup, dan ditanya, apa dan siapakah yang menghidupkan dan menumbuhkan tumbuh-tumbuhan itu.

Disuruh manusia memerhatikan api yang menyala, dan ditanya, apa dan siapakah yang menyalakannya.

Disuruh memerhatikan air hujan yang turun dari langit, dan ditanya, apa dan siapakah yang menurunkannya,

manusiakah atau siapa?

Disuruh memerhatikan binatang-binatang yang berguna bagi manusia seperti unta; disuruh memerhatikan bumi yang terhampar, memerhatikan langit yang melengkung, gunung yang berderet, awan dan mega berduyun dan beriringan, disuruh fikirkan dan diminta mengambil keputusan sendiri tentang kebebasan dan kekuasaan Tuhan.

Disuruh dan diajar manusia supaya melihat *Khāliq* nya “di belakang” semua makhluk yang dapat dilihatnya dengan mata kepala.

Demikian Quran berkata antara lain:

“Adakah kamu perhatikan sesuatu yang kamu tanam?”

“Kamukah yang menumbuhkannya atau kamikah yang menumbuhkannya?”

“Adakah kamu perhatikan air yang kamu minum?”

Kamukah yang menurunkannya dari awan atau kamikah yang menurunkannya?”

“Adakah kamu perhatikan api yang kamu nyalakan dengan kayu?”

“Kamukah yang menjadikan kayunya atau kamikah yang menjadikannya?” – (63-64; 68-99; 71-

Siapakah di antara orang-orang yang berakal yang tidak akan terpicat hati dan perhatiannya oleh cara Islam membawa manusia kepada mengetahui Tuhannya seperti yang terlukis dalam ayat-ayat yang kita turunkan di atas itu!

Sudah tidak syak lagi bahawa salah satu dari jasa Islam atas manusia dan kemanusiaan, ialah membuka dan menggerakkan akal manusia yang selama ini tidak mendapat tempat yang semestinya dalam kehidupan rohani dan jasmani manusia.

Bukalah Quran, muka mana sahaja.

Sudah tentu akan dirasai oleh tiap-tiap seorang yang membacanya, betapa besarnya dorongan Islam untuk memakai akal dan menggunakan fikiran sebagai satu nikmat Tuhan yang tidak ternilai harganya.

Orang Islam diwajibkan memakai akal untuk memikirkan ayat-ayat Quran supaya mengerti maksud dan tujuannya, oleh kerana ayat-ayat Quran itu diturunkan untuk mereka yang mahu berfikir, mahu mengambil makna, mahu mengetahui dan mahu beristinbat.

“Sesungguhnya kami terangkan ayat-ayat ini sejelas-jelasnya bagi orang-orang yang mahu mengerti.” (98, *al-An‘am*)  
Islam amat mencela akan orang-orang yang tidak menggunakan akalnya, orang-orang yang terikat fikirannya dengan kepercayaan dan faham-faham yang berdasar kepada dasar yang benar, iaitu mereka yang tak mahu memeriksa apakah kepercayaan dan faham-faham yang disuruh orang terima atau dipegang oleh mereka itu benar, dan adakah berdasar kepada kebenaran atau tidak.

Tegasnya, Islam melarang bertaqlid buta kepada faham dan iktikad yang tidak berdasar kepada wahyu Tuhan, iaitu yang hanya turut faham-faham lama yang turun temurun sahaja,

dengan tiada pemeriksaan tentang suci atau tidaknya.

“Dan janganlah engkau turut-turut sahaja apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan atasnya, kerana sesungguhnya pendengaran, penglihatan dan hati itu, semuanya akan ditanya tentang itu.” (36, *al-Isrā’*)

Demikianlah dua tiga contoh dari pertanyaan dalam Quran yang tepat-tepat dan tajam-tajam, dihadapkan kepada manusia supaya mereka memakai “akalnya” dan menghargai “akal” itu sebagaimana mestinya.

Kalau di Barat orang mengatakan bahawa “Bacon Van Verulam” lah yang mula-mula mengemukakan “*inductive method*” dalam berfikir, maka ketahuilah bahawa Nabi Muhammad (SAW), sudah mengajarkannya beberapa kurun sebelum “Verulam”.  
Junjungan kita Nabi Muhammad (SAW) mengajarkan suatu cara berfikir yang sampai sekarang menjadi dasar bagi tiap-tiap penyelidikan yang hendak dinamakan “ilmiah”.  
Dalam Islam “akal” mendapat tempat yang mulia, dalam Islam “akal” tidak ditindas dan dipaksa, tetapi digunakan dan diberi jalan, disalurkan untuk ketinggian manusia.

Tetapi adakah ini juga bererti bahawa orang Islam mestilah melemparkan segala macam “adat turun-temurunnya” dan mesti menjadikan “akal bebasnya” itu sebagai hakim yang tinggi dalam semua hal?  
Marilah kita periksa!

“Akal bebas” telah membebaskan kaum Muslimin yang kekolotan yang membekukan otak; dan “akal bebas” telah melepaskan kaum Muslimin dari kemalasan berfikir.  
“Akal bebas” telah menzahirkan Wāsil ibn ‘Aṭā’, yang telah berani menentang arus aliran faham gurunya dan berani “*berī ‘tizāl*”, berpisah dari mazhab Imam Hasan al-Baṣrī. “Akal bebas” telah menzahirkan

Abu al-Hudhayl al-‘Allāf, al-Nizām dan lain-lain pujangga Muktaẓilah yang tak kalah ketangkasan dan ketajaman otaknya dari filsuf Barat yang masyhur. “Akal bebas” telah menzahirkan Fakhr al-Dīn al-Rāzī, ahli tafsir yang terkenal, yang menciptakan satu tafsir Quran yang sangat berharga. “Akal bebas” telah menzahirkan Hasan al-Ash‘arī, yang pada masa kecilnya dididik dalam suasana “*ahl al-Sunnah*” kemudian berani “*beri ‘tizāl*” (memisahkan diri) dari mazhab tersebut tetapi kemudiannya tak gentar pula meninggalkan mazhab Muktaẓilah dan membantah beberapa ajaran-ajaran “yang berdasarkan akal” dari kaum Muktaẓilah dengan senjata Muktaẓilah sendiri, yakni “akal bebas” itu juga.

“Akal bebas” telah menzahirkan al-Ghazālī, Ibn Taymiyyah, Muhammad Abduh dan lain-lain.

Sebaliknya, oleh kerana “akal bebas” itu pulalah, telah timbul faham-faham yang bertentangan dengan iktikad Islam, telah timbul faham-faham sesat dalam kalangan ahli tasawuf, telah timbul faham yang tak mahu tahu dengan aturan-aturan pengambilan Quran dan Hadis, terjadi pula kebebasan memesongkan makna Quran dan Hadis sebagaimana yang sesuai dengan si “akal bebas” itu sendiri pula.

Oleh kerana “akal bebas” yang semacam itu, seorang ahli al-taṣawwuf, bernama al-Hallāj, pernah berkata: “*Anā al-Haqq*” (Akulah tuhan).

“Akal bebas” boleh memperbuat dan memperteguh iman kita, menambah khusyuk dan tawaduk kita terhadap kebesaran Ilahi serta membantu kita mencari rahsia-rahsia firman Tuhan, menolong kita memahamkan hikmah suruhan dan ajaran-ajaran agama mempertinggi dan memperhalus perasaan keagamaan kita.

“Akal bebas” boleh membersihkan agama kita

dari kutu-kutu yang merbahaya yang datang kemudian dan datang bertentangan dengan agama itu sendiri. “Akal bebas” membukakan jendela alam fikiran kita, supaya bertukar udara busuk dengan udara yang bersih dan nyaman. Tetapi dalam pada itu “akal bebas” pandai pula membongkar tiang-tiang agama itu, melemparkan hudud (hukum-hukum) dan melampaui batas. Jadi bukan sahaja ia boleh memasukkan udara yang sejuk dan sepoi-sepoi bahasa, tetapi dapat juga memasukkan angin taufan yang menghancurkan apa yang ada!

Alangkah permainya akal bebas!!

Alangkah celaknya akal bebas!!

Maka sekarang betapa kita akan berhakim kepada “akal bebas” semata-mata?!

“Akal bebas” dengan tiada peraturan akan menimbulkan kekacauan.

- sambungan dari muka 27 -

masa kita masih kekurangan pengetahuan yang ada di dalam bahasa kita sekarang ini dan terutama kalau pengetahuan yang didapati itu dapat disalurkan untuk faedah bangsa amnya, tetapi walau bagaimanapun saya adalah berpendapat, sebagai suatu bangsa yang merdeka dan sebagai suatu bangsa yang mahu mengekalkan kedaulatan bangsa, bahasa dan kebudayaan maka jalan-jalan pendidikan yang melalui satu bahasa kebangsaan negeri ini amatlah mustahak diadakan bukan sahaja dengan seberapa banyak dan dengan seberapa cepatnya bahkan dengan seberapa tinggi yang boleh.

Mudah-mudahan seluruhnya kita sebagai suatu bangsa dalam masa kita bergelut dengan berbagai-bagai hal lain mengenai bangsa kita, tidaklah kita akan melupai atau tidaklah kita akan tidak mengambil berat lagi berkenaan dengan bahasa dan pendidikan bangsa kita seluruhnya ini.